

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH
TARIKH : 12 DISEMBER 2019 (KHAMIS)

Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah program DEWI (Development of Women Entrepreneurs Initiative) berkesan dalam melahirkan usahawan wanita berjaya dari kalangan ibu tunggal dan wanita miskin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) sentiasa peka dalam membantu golongan wanita terutama di kalangan ibu tunggal dan wanita miskin sama ada di bandar atau luar bandar. Sejak penubuhannya, JPW telah melaksanakan pelbagai program untuk golongan tersebut dengan objektif utama adalah bagi memperkasa diri mereka dengan ilmu dan kemahiran agar mereka mampu menjadi individu yang boleh menjana pendapatan sendiri dan menyumbang kepada ekonomi keluarga. Fokus utama adalah memberikan mereka kemahiran agar mereka dapat menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Sehingga tahun 2018, antara program JPW yang dilihat dapat memberikan impak kepada wanita termasuk ibu tunggal adalah I-KIT (Inkubator Keusahawanan Ibu Tunggal), I-KeuNita (Inkubator Keusahawanan Wanita), DEWI (*Development of Women Entrepreneur Initiatives*), dan *Community Based Enterprise* (CBE).

Program DeWI yang diperkenalkan pada tahun 2017 telah melaksanakan sebanyak 59 program dengan jumlah peserta seramai 1,235 orang daripada wanita berpendapatan rendah termasuk 216 orang adalah golongan ibu tunggal. Sehingga tahun 2018, sebanyak 18 program telah dilaksanakan dengan jumlah peserta seramai 473 orang termasuk 78 orang peserta ibu tunggal.

Walau bagaimanapun, program ini telah ditamatkan pada bulan Mei selaras dengan hala tuju baru pentadbiran kerajaan. Pada tahun 2019, JPW telah memperkenalkan Program Pusat Aktiviti Cakna Bangun Ekonomi (PACBE) iaitu satu program yang disusun semula dengan memberi fokus kepada Pembangunan Kapasiti dan Peningkatan Kesejahteraan Wanita secara lebih menyeluruh melalui penyusunan semula fokus. PACBE diharapkan dapat memberi impak yang lebih bermakna kepada wanita termasuklah ibu tunggal tanpa mengira kategori umur terutama dalam memperkasa keupayaan sendiri mereka. Melalui pemerksaan, wanita akan dapat membangunkan diri mereka bagi menambah pendapatan. Pelaksanaan Program PACBE dibahagikan kepada 3 bidang utama iaitu:

- i) Bidang ***Community-Based Enterprise (CBE)*** untuk aspek peningkatan kemahiran;
- ii) Bidang ***Psiko-pendidikan (substentif)*** untuk aspek pembangunan pendidikan sosial; dan
- iii) Bidang ***Pengupayaan (empowerment)*** untuk aspek pembangunan keupayaan.

PACBE ini dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) di seluruh negara. Bagi tahun 2019, seramai 10,788 orang peserta telah menyertai program PACBE dengan peratusan ibu tunggal dianggarkan sebanyak 30%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK MOHAN A/L
THANGARASU
TARIKH : 12 DISEMBER 2019 (KHAMIS)

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pecahan jumlah penerima bantuan kewangan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut kaum bermula dari tahun 2017 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu sehingga kumpulan sasar ini mampu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu ke arah hidup berdikari. Ini adalah kerana, bantuan kebajikan yang diberikan adalah bukan untuk menampung kos sara hidup sepenuhnya sebaliknya ia adalah untuk membantu meringankan beban kewangan yang dialami oleh kumpulan sasar untuk hidup yang lebih selesa dan sempurna.

Berdasarkan statistik jabatan jumlah penerima bantuan kewangan bulanan JKM mengikut kaum dari tahun 2017 sehingga tahun 2019 adalah seperti berikut:

Statistik Penerima Bantuan JKM dari Tahun 2017 – Tahun 2019

Kaum	Tahun		
	2017	2018	2019
Melayu	262,593	276,060	272,296
Cina	74,773	80,308	79,213
India	54,270	55,212	54,459
Peribumi Sabah/Sarawak	77,562	75,289	74,263
Lain-Lain	9,479	15,058	14,853
Jumlah	478,677	501,927	495,084

NO SOALAN: 60

Untuk makluman, bagi tahun 2017, JKM menyalurkan peruntukan sebanyak **RM 1.523 Bilion**, tahun 2018 sebanyak **RM 1.697 Bilion**, dan pada tahun sehingga November 2019 JKM telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM 1.492 Billion** bagi membantu kumpulan sasar jabatan yang memerlukan.